

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Kandungan	1
2.	Tujuan	2
3.	Latarbelakang	2
4.	Skop Pemakaian	2
5.	Penetapan had baru Berat Dengan Muatan (BDM) bagi Kenderaan Barangan Kategori <i>De-Controlled</i>	3
6.	Permohonan Kenaikan BDM bagi Kenderaan <i>De-Controlled</i>	3
7.	Mengemaskini Maklumat Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) dan Sijil Timbang Berat	4
8.	Kelulusan Pelan Teknikal Kenderaan <i>De-Controlled</i>	5
9.	Carta Alir Keseluruhan Proses Kenaikan BDM Kenderaan <i>De-Controlled</i>	5
10.	Kelas Lesen Memandu Kenderaan <i>De-Controlled</i>	6
11.	Tarikh Penguatkuasaan	6

1. Tujuan

Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan dasar / prosedur pelaksanaan kenaikan Berat Dengan Muatan (BDM) kenderaan selaras dengan had baru BDM melibatkan kategori kenderaan barangan *De – Controlled*.

2. Latar Belakang

2.1 Objektif utama kategori kenderaan *De-Controlled* ini diperkenalkan adalah bertujuan untuk membantu dan menggalakan perkembangan sektor peniagaan tempatan terutamanya melibatkan industri kecil dan sederhana dalam aspek logistik serta keperluan permit dari pihak berkuasa.

2.2 Namun begitu, sehingga sekarang, setelah hampir 20 tahun, had BDM bagi kenderaan *De-Controlled* masih kekal iaitu hanya melibatkan kenderaan barangan yang BDM kurang daripada 5,000kg sahaja dan tiada sebarang semakan polisi untuk kadar baru BDM tersebut walaupun perkembangan teknologi dan kejuruteraan automotif telah banyak berubah dari aspek teknikal dan keselamatan.

2.3 Sehubungan dengan itu, cadangan penetapan had baru BDM melibatkan kenderaan *De-Controlled* ini adalah perlu diteliti semula untuk memastikan perkembangan teknologi automotif terkini yang melibatkan kenderaan barangan adalah selari dengan dasar sedia ada di peringkat Kementerian dan Jabatan seterusnya dapat menggalakan pertumbuhan ekonomi negara serta dapat mengurangkan ketirisan hasil kerajaan akibat isu membawa muatan berlebihan yang melibatkan kenderaan *De-Controlled* sedia ada.

3. Skop Pemakaian

3.1 Garis Panduan berkaitan dengan kenaikan Berat Dengan Muatan (BDM) bagi Kenderaan Barangan Kategori *De-Controlled* ini adalah terpakai kepada semua kenderaan barangan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

4. Penetapan had baru Berat Dengan Muatan (BDM) bagi Kenderaan Barangan Kategori *De-Controlled*

- 4.1 Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017, pengelasan kategori kenderaan barangan *De-Controlled* telah ditetapkan had baru Berat Dengan Muatan (BDM) daripada 5,000kg sedia ada kepada **7,500 kg ke bawah serta dikecualikan Lesen Pengendali / Lesen** yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).
- 4.2 Mana – mana kenderaan barangan yang didaftarkan dan dilesenkan dengan BDM 7,500kg ke bawah adalah dengan serta merta diklasifikasikan sebagai kategori kenderaan barangan *De-Controlled*.
- 4.3 Kenderaan *De-Controlled* ini adalah dihadkan hanya dibenarkan untuk **membawa barangan milik sendiri sahaja** iaitu barangan perniagaan pemilik kenderaan tersebut sahaja.
- 4.4 Pengeluar kenderaan yang terlibat adalah perlu mengemukakan permohonan mengemaskini Sijil Timbang Berat, Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) sedia ada serta permohonan baru Pelan Teknikal melibatkan model kenderaan yang berkaitan melalui Bahagian Kejuruteraan Automotif, Ibupejabat JPJ.
- 4.5 Bagi kenderaan *De-Controlled* yang telah didaftarkan, kelulusan kenaikan BDM adalah tertakluk kepada kelulusan Sijil Timbang Berat dan Pelan Teknikal Kenderaan.

5. Permohonan Kenaikan BDM bagi Kenderaan *De-Controlled*

- 5.1 Permohonan Kenaikan had Berat Dengan Muatan (BDM) pula adalah merujuk kepada permohonan kenderaan barangan yang ingin menaikkan had Berat Dengan Muatan (BDM) dengan melakukan pengubahsuaian teknikal pada kenderaan.
- 5.2 Mana-mana pemilik **kenderaan barangan yang telah didaftarkan dan mempunyai BDM kurang daripada 7,500kg adalah boleh mengemukakan permohonan kenaikan BDM** kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif untuk mendapatkan kelulusan lanjut.

- 5.3 Kelulusan permohonan kenaikan Berat Dengan Muatan (BDM) kenderaan tersebut **hanya akan diberikan kepada model-model kenderaan yang layak sahaja** iaitu tertakluk kepada kelulusan Sijil Timbang Berat dan Pelan Teknikal Kenderaan.
- 5.4 Setiap permohonan kenaikan BDM tersebut hendaklah dilampirkan dengan **Pelan Teknikal Kenderaan** yang telah diluluskan oleh JPJ serta dokumen tambahan lain.
- 5.5 Mana – mana kenderaan barangan yang telah didaftarkan dengan BDM 7,501kg ke atas adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk Permohonan Penurunan Had Berat Dengan Muatan (BDM) kepada BDM 7,500kg atau ke bawah.
- 5.6 Bagi kenderaan yang telah mendapat kelulusan kenaikan BDM daripada JPJ yang **adalah perlu mengemaskini maklumat BDM yang baru** tersebut di mana – mana JPJ Negeri selepas menjalani pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM.

6. Mengemaskini Maklumat Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) dan Sijil Timbang Berat

- 6.1 Pihak Pengeluar Kenderaan (tidak termasuk kenderaan *rebuilt*) adalah dikehendaki mengemukakan permohonan mengemaskini maklumat Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) dan Sijil Timbang Berat melibatkan model – model kenderaan yang BDM kurang daripada 7,500kg bagi tujuan kenaikan BDM model kenderaan yang terlibat.
- 6.2 Kelulusan mengemaskini maklumat Sijil Timbang Berat tersebut adalah **tertakluk kepada model – model kenderaan yang layak sahaja dari aspek spesifikasi spring dan gandar kenderaan serta faktor – faktor teknikal lain yang berkaitan.**
- 6.3 Mana – mana Sijil Timbang Berat yang telah diluluskan untuk dikemaskini hendaklah menggunakan **model kod yang baru** bagi model kenderaan yang terlibat dengan perubahan spesifikasi asal spring dan gandar.
- 6.4 Bagi tujuan proses **mengemaskini Sijil VTA, pihak pengeluar kenderaan dikehendaki melampirkan salinan dokumen pematuhan Peraturan UN yang berkaitan** untuk pertimbangan lanjut JPJ sebelum mengemukakan permohonan mengemaskini Sijil Timbang Berat.

7. Kelulusan Pelan Teknikal Kenderaan *De-Controlled*

- 7.1 Setiap kenderaan yang terlibat dengan proses permohonan kenaikan BDM adalah **dikehendaki memiliki Pelan Teknikal Kenderaan yang diluluskan oleh JPJ** sama ada *closed-plan* (pemilikan individu) atau *open-plan* (pemilikan perkongsian).
- 7.2 Pelan Teknikal tersebut hendaklah disediakan oleh Jurutera Profesional yang berdaftar di JPJ seterusnya dipanjangkan bersama – sama dengan Sijil Timbang Berat yang berkaitan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif – Ibupejabat JPJ bagi tujuan kelulusan lanjut.
- 7.3 Kelulusan JPJ terhadap Pelan Teknikal tersebut adalah tertakluk kepada spesifikasi teknikal di dalam Sijil Timbang Berat yang dilampirkan serta pematuhan kepada ketetapan di bawah Akta Pengangkutan Jalan dan Kaedahnya.

8. Carta Alir Keseluruhan Proses Kenaikan BDM Kenderaan *De-Controlled*

- 8.1 Bagi tujuan **proses kenaikan BDM kenderaan *De-Controlled* oleh pemilik kenderaan yang telah didaftarkan**, turutan proses kerja yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A**.
- 8.2 Manakala, bagi tujuan **proses kenaikan BDM kenderaan *De-Controlled* oleh pengeluar kenderaan**, turutan proses kerja yang terlibat adalah seperti di **Lampiran B**.

9. Kelas Lesen Memandu Kenderaan *De-Controlled*

- 9.1 Pemandu kenderaan tersebut hendaklah mematuhi Kelas Lesen Memandu dan Lesen Memandu Kenderaan Perdagangan (GDL) yang ditetapkan di bawah Kaedah – Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Pemandu) 1992, iaitu seperti berikut :-

Bil.	Kelas Lesen Memandu	Kategori Kenderaan Barangan
1.	D	Kenderaan yang BTM tidak melebihi 3,500kg
2.	E2	Kenderaan yang BTM tidak melebihi 5,000kg
3.	E1	Kenderaan yang BTM tidak melebihi 7,500kg
4.	E	Kenderaan yang BTM melebihi 7,500kg

**BTM : Berat Tanpa Muatan*


10. Tarikh Penguatkuasaan

- 10.1 Garis Panduan Pelaksanaan Kenaikan Berat Dengan Muatan (BDM) melibatkan Kenderaan Barangan Kategori *De – Controlled* adalah berkuatkuasa mulai tarikh garis panduan ini dikeluarkan.

**BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

Lampiran A

**Carta Alir Keseluruhan Proses Kenaikan BDM Kenderaan *De-Controlled*
melibatkan kenderaan telah didaftarkan**



Lampiran B

Carta Alir Keseluruhan Proses Kenaikan BDM Kenderaan *De-Controlled* oleh
Pengeluar Kenderaan

